

HURAIAN KERJA SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI HIDUPAN LIAR

1. SKIM PERKHIDMATAN

Penolong Pegawai Hidupan Liar Gred G5, G6, G7 dan G8

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN).

3. RINGKASAN TUGAS

Menyelia dan melaksanakan aktiviti Konservasi Hidupan Liar, tugas penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686], Akta Taman Negara 1980 [Akta 226], Enakmen Taman Negara Pahang, No. 2 1939, Enakmen Taman Negara Terengganu, No.6 1939, Enakmen Taman Negara Kelantan No.14 1938, menjalankan program latihan, kesedaran awam dan pembangunan modal insan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 PENOLONG PEGAWAI HIDUPAN LIAR GRED G5

- a. Menjalankan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta dan Enakmen yang berkuat kuasa;
- b. Menjalankan risikan, rondaan, penggeledahan dan pemeriksaan di premis perniagaan, kediaman dan pintu masuk sempadan negara mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686];
- c. Bertanggungjawab sebagai Pegawai penyiasat (IO) Jabatan, melengkapkan kertas siasatan (IP) dan membantu Pegawai Pendakwa (PO) untuk sebutan atau perbicaraan kes di mahkamah;
- d. Memastikan pengeluaran lesen dan permit berkaitan dengan hidupan liar mematuhi syarat dan tatacara yang telah ditetapkan;
- e. Mengetuai operasi pengurusan aduan hidupan liar dengan mengambil tindakan melalui kaedah bersesuaian seperti memberi khidmat nasihat, pemasangan perangkap, tembak halau, tangkap pindah atau tembak mati;

- f. Membantu menyelia dan melaksanakan aktiviti pengurusan hidupan liar di Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Jabatan;
- g. Membantu penyeliaan program kesedaran awam, kursus-kursus Jabatan dan Program Transformasi Minda (PTM) dan bertindak sebagai fasilitator dan urus setia; dan
- h. Mengetuai tugas penguatkuasaan, pengurusan hidupan liar, pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan di peringkat daerah, Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Pintu Masuk.

4.2 PENOLONG PEGAWAI HIDUPAN LIAR GRED G6

- a. Mengetuai kakitangan bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta dan Enakmen yang berkuat kuasa;
- b. Mengetuai aktiviti risikan, rondaan, penggeledahan dan pemeriksaan di premis perniagaan, kediaman dan pintu masuk sempadan negara mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686];
- c. Bertanggungjawab sebagai Pegawai penyiasat (IO) Jabatan, melengkapkan kertas siasatan (IP) dan membantu Pegawai Pendakwa (PO) untuk sebutan atau perbicaraan kes di mahkamah;
- d. Menyediakan laporan pencapaian kes, pengeluaran lesen dan permit di negeri;
- e. Mengetuai operasi pengurusan aduan hidupan liar dengan mengambil tindakan melalui kaedah bersesuaian seperti memberi khidmat nasihat, pemasangan perangkap, tembak halau, tangkap pindah atau tembak mati;
- f. Sebagai Penyelia atau membantu menyelia Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Jabatan;
- g. Membantu melaksanakan Program Kemahiran latihan kakitangan Jabatan dan orang awam dalam bidang pengurusan hidupan liar, mengemaskini Profile Latihan kakitangan Jabatan dan menyelaraskan permohonan latihan industri oleh pelajar IPT di Jabatan PERHILITAN; dan
- h. Mengetuai tugas penguatkuasaan, pengurusan hidupan liar, pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan di peringkat daerah, Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Pintu Masuk.

4.3 PENOLONG PEGAWAI HIDUPAN LIAR GRED G7

- a. Menyelia dan membantu menyelaraskan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta dan Enakmen yang berkuat kuasa;
- b. Menyelia dan membantu menyelaraskan aktiviti risikan, rondaan, penggeledahan dan pemeriksaan di premis perniagaan, kediaman dan pintu masuk sempadan negara mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686];
- c. Sebagai Pegawai penyiasat (IO) Jabatan, melengkapkan kertas siasatan (IP) dan sebagai Pegawai Pendakwa (PO) bagi sebutan atau perbicaraan kes di mahkamah;
- d. Memantau dan melaksana program-program Konservasi Hidupan Liar;
- e. Membantu menyelaraskan dan memantau pengumpulan maklumat serta penyediaan laporan mengenai status gangguan hidupan liar;
- f. Melaksanakan program pembiakbakaan komersial hidupan liar dan melaksanakan aktiviti permit penyelidikan;
- g. Melaksanakan program pengauditan untuk premis Zoo dan Pameran Tetap secara berkala bagi memastikan pematuhan Akta 716 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya;
- h. Mengendalikan spesies Harimau Belang dan keperluan rehabilitasi hidupan liar tersebut di Pusat Konservasi Harimau Kebangsaan (NTCC); dan
- i. Membantu menyelia Program Kemahiran latihan kakitangan Jabatan, orang awam dalam bidang pengurusan hidupan liar dan kursus-kursus agensi luar di IBD dan kursus agensi luar di IBD.

4.4 PENOLONG PEGAWAI HIDUPAN LIAR GRED G8

- a. Melaksanakan program kompetensi dan peperiksaan Jabatan bagi tujuan pengesahan Jawatan dan kenaikan pangkat;
- b. Membantu menyelia Program Kemahiran latihan kakitangan Jabatan, orang awam dalam bidang pengurusan hidupan liar dan kursus-kursus agensi luar di IBD dan kursus agensi luar di IBD;
- c. Membantu menyelaraskan dan melaksanakan kerja-kerja pembangunan kawasan ekopelancongan, pembangunan sosio-ekonomi masyarakat setempat dalam aktiviti ekopelancongan yang boleh menjana pendapatan;

- d. Membantu menyelaraskan pengauditan dan kajian berkaitan kepuasan pelawat, kemudahan ekopelancongan, kajian sosio-ekonomi dan pengurusan sumber manusia di kawasan ekopelancongan; dan
- e. Menganalisa data dan memastikan pengakalan data ekopelancongan dikemaskini.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pihak pengurusan atasan.
- b. Pegawai dan kakitangan Jabatan PERHILITAN di semua peringkat.

Luaran

- a. Orang awam;
- b. Peniaga, pengeksport, pengimport dan pemilik lesen hidupan liar;
- c. Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan;
- d. Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan;
- e. Agensi Antarabangsa;
- f. IPTA/ IPTS;
- g. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO); dan
- h. Pegawai Penyelidik dalam dan luar negara.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PEGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan diploma dalam bidang sains biologi, perhutanan, mikrobiologi, sains pengurusan hidupan liar, sains hayat, sains perkhidmatan veterinar/kesihatan, sains haiwan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- b. Mempunyai keberanian untuk mengendalikan hidupan liar;
- c. Mempunyai kekuatan mental dan fizikal bermalam di dalam hutan;

- d. Berupaya melakukan operasi-operasi penguatkuasaan;
- e. Mempunyai minat dan pengetahuan terhadap hidupan liar;
- f. Boleh membaca dan menulis laporan dengan baik;
- g. Berkebolehan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Malaysia; dan
- h. Mampu membuat keputusan dengan baik.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Berintegriti;
- b. Bertanggungjawab, amanah, jujur, berdisiplin dan kerjasama;
- c. Menjaga kerahsiaan dan profesionalisme;
- d. Bersifat positif dan sentiasa berusaha;
- e. Ketahanan fizikal dan mental untuk tugas di lapangan; dan
- g. Berupaya menyelesaikan masalah dan bijak membuat keputusan.

9. ANCAMAN/BAHAYA

- a. Terdedah kepada ancaman/serangan hidupan liar;
- b. Terdedah kepada ancaman pesalah-pesalah yang ditangkap/didenda/hukum di bawah Akta berkuat kuasa;
- c. Terdedah kepada terkena peluru sesat oleh pemburu haram dan penceroboh dalam kawasan hutan;
- d. Tersesat di dalam hutan semasa kerja-kerja Inventori, ancaman pokok tumbang, kecederaan kerja di lapangan, lemas dan serangan penyakit berjangkit dari hidupan liar;
- e. Terdedah kepada bahan kimia dan 'drug';
- f. Kemalangan semasa penggunaan senjata api;
- g. Boleh diambil tindakan undang-undang oleh pihak tertentu;
- h. Risiko terdedah kepada penyelewengan dan rasuah; dan
- i. Tekanan kerja.